

Brambles

Dasar Cukai

Disemak Semula: Selasa, 27 Jun 2023

Versi 6.0

Brambles Limited

Perniagaan kita

Tujuan Brambles adalah untuk menghubungkan orang dengan keperluan kehidupan setiap hari. Melalui model ‘kongsi dan guna semula’, Brambles menghantar lebih banyak barang kepada lebih ramai orang di tempat yang lebih banyak berbanding dengan organisasi lain. Sebagai perintis dalam ekonomi perkongsian, Brambles merupakan salah satu perniagaan logistik paling mampan di dunia. Platform Brambles membentuk tulang belakang rantaian bekalan global yang tidak kelihatan, terutamanya berkhidmat kepada barang pengguna yang bergerak cepat, hasil tanaman segar, minuman, runcit dan industri perkilangan am.

Model perniagaan pusingan kita mengekalkan perkongsian dan penggunaan semula kumpulan palet dan bekas boleh guna semula yang terbesar di dunia. Hal ini membolehkan Brambles untuk memberikan perkhidmatan kepada pelanggan syarikat ini sambil meminimumkan impak pada persekitaran dan meningkatkan kecekapan serta keselamatan rantaian bekalan di seluruh dunia.

Setakat 30 Jun 2022, Brambles:



Beroperasi di...
~60
negara



Memiliki...
~360 juta
palet, tong & bekas



Mempunyai...
~12,000
orang



Melalui rangkaian...
+ 750
pusat perkhidmatan

Dasar Cukai ini adalah berdasarkan prinsip pematuhan cukai dan ketelusan cukai untuk mengenal pasti peranan yang dimainkan oleh Brambles dalam membina kesedaran dan kepercayaan dalam sistem cukai di peringkat antarabangsa dan menjadi sebahagian daripada Tatakelakuan Brambles.

Tatakelakuan Brambles menyediakan rangka kerja beretika dan undang-undang untuk semua pekerja. Dasar Cukai kita bersesuaian dengan prinsip Tatakelakuan dan terpakai kepada perniagaan Brambles di seluruh dunia.

Brambles komited dalam mematuhi undang-undang cukai dan mempunyai hubungan terbuka dan membina dengan pihak berkuasa cukai. Undang-undang percukaian memang rumit, dan Brambles akan berusaha mematuhi undang-undang dengan membayar jumlah cukai yang betul di bidang kuasa yang betul, mendedahkan maklumat yang berkaitan dan menuntut pelepasan atau insentif yang disediakan. Kita menyokong pembayaran dan proses cukai syarikat yang lebih telus, dalam usaha membina keyakinan awam dan telah menerima pakai Kod Ketelusan Cukai Sukarela daripada Lembaga Pencukaian Australia. (sila rujuk kepada Laporan Ketelusan Cukai Brambles).

Kita membayar cukai pendapatan korporat, cukai tertahan, duti kastam, cukai penggajian dan cukai yang lain. Selain itu, terdapat cukai yang kita kutip bagi pihak kerajaan daripada pekerja dan pelanggan seperti cukai jualan dan VAT. Cukai yang kita bayar dan kutip ini menjadi bahagian yang penting dalam sumbangan ekonomi kepada negara yang kita menjalankan operasi.

Komitmen kita adalah berteraskan prinsip berikut:

1. Pengurusan risiko cukai dan rangka kerja tadbir urus

Kita mematuhi rangka kerja pengurusan cukai Brambles sebagai sebahagian daripada proses kawalan dalam kita. Kita mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko cukai dan menerangkan dengan sewajarnya. Kita melaksanakan langkah pengurusan risiko termasuk kawalan berhubung risiko berikut:

- Risiko Operasi dan Transaksi – risiko pertimbangan, kepakaran dan penilaian cukai yang tidak mencukupi dalam transaksi perniagaan dan pelaksanaan atau pengurusan risiko utama yang lemah, termasuk dokumentasi yang tidak mencukupi untuk menyokong kedudukan yang diambil. Kawalan

utama merangkumi kelulusan oleh bahagian fungsian utama termasuk Cukai Kumpulan menurut rangka kerja kelulusan dan mendapatkan nasihat luaran serta pendapat atau perjanjian pihak berkuasa cukai apabila undang-undang adalah tidak tentu;

- Risiko pematuhan – risiko penyata cukai lewat atau tidak tepat. Kawalan utama merangkumi pangkalan data pusat yang memantau pemfailan penyata cukai dan penggunaan firma perakaunan luar untuk menyediakan atau menyemak penyata tersebut;
- Risiko perakaunan cukai – risiko salah nyatakewangan yang ketara seperti yang ditakrifkan dalam standard perakaunan yang berkenaan. Kawalan utama termasuk menyediakan arahan perakaunan cukai kepada penyedia penyata kewangan dan menyemak serta meluluskan baki cukai yang ketara oleh Cukai Kumpulan; dan
- Risiko kawal selia dan pengurusan – risiko berkaitan undang-undang baharu dan pengurusan fungsi cukai. Kawalan utama termasuk memastikan bahawa dasar dan prosedur yang betul dilaksana, dikekalkan dan digunakan secara konsisten di seluruh dunia dan memastikan pasukan cukai global mempunyai kemahiran dan pengalaman untuk melaksanakan pendekatan tersebut dengan sewajarnya.
- Risiko pelaporan cukai - risiko pelaporan risiko cukai yang tidak mencukupi kepada pengurusan kanan dan Lembaga Pengarah Brambles. Kawalan utama termasuk mengekalkan dan melaporkan kepada pemegang saham utama secara berkala tentang profil cukai Kumpulan menggambarkan perkara seperti apa-apa transaksi penting, audit pihak berkuasa fiskal, perubahan kawal selia dan memantau keberkesanan kawalan utama dan proses.

Isu dan risiko cukai yang ketara, apabila dikenal pasti perlu dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit & Risiko Brambles dan Lembaga Pengarah Brambles.

2. Tahap risiko percukaian yang boleh diterima oleh Brambles

Pengurusan risiko berkesan, termasuk risiko cukai, adalah penting dalam pertumbuhan dan kejayaan Brambles yang berterusan. Kita menerapkan pengurusan risiko berkesan sebagai sebahagian proses perniagaan kita. Brambles telah mereka bentuk dan melaksanakan sistem kawalan dalaman dan proses pengurusan risiko, termasuk yang berkaitan dengan risiko cukai, dan semua sistem dan proses ini disemak oleh Lembaga Pengarah.

Impak prosedur tadbir urus dalaman terhadap tahap risiko yang boleh diterima melalui:

- Mengenal pasti, menganalisis dan menetapkan penilaian isu risiko, termasuk cukai, secara konsisten, dengan menggunakan kaedah lazim;
- Menjadikan toleransi risiko bagi isu cukai sebagai pertimbangan utama dalam membuat keputusan; dan
- Memerlukan kelulusan pengurusan kanan atau Lembaga Pengarah bagi transaksi, mengikut proses kelulusan yang berkaitan, dengan mengambil kira tahap risiko dan kematanan akibat yang mungkin terlibat.

Kita mematuhi undang-undang cukai yang berkenaan dan berusaha meminimumkan risiko ketidakpastian atau pertikaian. Bagi transaksi yang ketara, kita berusaha mencari kepastian, contohnya dengan cara mendapatkan nasihat luaran dan pendapat atau persetujuan yang sah dengan pihak berkuasa cukai apabila wujud ketidakpastian atau kerumitan dalam undang-undang.

3. Strategi dan perancangan cukai

Tatakelakuan Brambles menetapkan bahawa semua perniagaan perlu dijalankan menurut undang-undang dan peraturan di negara tempat perniagaan tersebut dijalankan. Strategi dan perancangan cukai kita menyokong strategi perniagaan kita dan mencerminkan aktiviti komersial dan ekonomi. Pihak berkepentingan Kumpulan Brambles yang Berkaitan (Relevant Brambles Group) terlibat, mengikut proses kelulusan dengan mengambil kira tahap risiko dan kematanan akibat yang terbabit, bagi memastikan transaksi boleh diterima, termasuk Lembaga Pengarah Brambles (Brambles Board), CEO, CFO dan fungsi komersial, undang-undang, perbendaharaan dan perakaunan.

Kita menjalankan transaksi antara syarikat kumpulan secara tulus dan menurut Garis Panduan Penentuan Harga Pindahan Organisasi untuk Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD).

Brambles tidak mengelakkan cukai dengan menggunakan perkiraan tiruan, atau bidang kuasa perlindungan cukai, yang tidak mempunyai tujuan perniagaan.

4. Pendekatan terhadap pihak berkuasa cukai

Kita berusaha menjalin dan mengekalkan hubungan yang bersifat membina dengan kerajaan dan pihak berkuasa kewangan berdasarkan prinsip saling percaya dan hormat-menghormati. Brambles mematuhi undang-undang cukai di setiap negara, namun sekiranya terdapat apa-apa ketidaktepatan, perkara ini akan didedahkan secara sukarela dan sepenuhnya kepada pihak berkuasa percukaian.

Kami bekerjasama dengan pihak berkuasa fiskal secara proaktif dan telus dengan objektif meminimumkan pertikaian dan mencapai persetujuan ke atas apa-apa bahagian percanggahan jika boleh tepat pada masanya. Sebagai sebahagian daripada pendekatan kita untuk menyelesaikan pertikaian, kita pertimbangkan semua cara yang sah, termasuk timbang tara, persetujuan bersama dan sekiranya prosedur rayuan yang wajar dipertimbangkan bagi mencapai kepastian terhadap pengolahan cukai.

Kita bekerjasama dengan kerajaan dan pelbagai badan kerajaan lain, terhadap pembangunan dan pentadbiran undang-undang, sama ada secara langsung atau melalui perdagangan dan perkaitan lain yang sewajarnya.

Pendekatan kita dibuktikan dengan hasil semakan pematuhan dan jaminan yang dilakukan oleh pihak berkuasa cukai termasuk, penarafan Peringkat 3 untuk pengurusan risiko cukai dan tadbir urus serta penarafan Tahap Tinggi untuk jaminan keseluruhan oleh Pejabat Percukaian Australia dan penarafan Risiko Rendah oleh Jabatan Hasil dan Kastam British (Her Majesty's Revenue and Customs) , yang menunjukkan bahawa rangka kerja kawalan cukai Brambles telah direka bentuk dan beroperasi dengan berkesan.

5. Peranan & Tanggungjawab

Jadual berikut memberikan gambaran keseluruhan tentang peranan dan tanggungjawab untuk pengurusan risiko cukai dalam kumpulan Brambles:

Peranan	Tanggungjawab
Lembaga Pengarah Brambles	Lembaga Pengarah Brambles Limited bertanggungjawab untuk menetapkan hasrat risiko Kumpulan dan rangka kerja pengurusan risiko Kumpulan serta menyelia sistem kawalan dalaman termasuk kelulusan Dasar Cukai.
Jawatankuasa Audit & Risiko	Jawatankuasa Audit & Risiko membantu Lembaga Pengarah dalam memenuhi tanggungjawab tadbir urus korporat dan penyeliaan tanggungjawab termasuk keberkesanan pengurusan risiko Kumpulan yang ketara, termasuk risiko cukai.
Ketua Pegawai Kewangan (CFO)	Ketua Pegawai Eksekutif mempunyai tanggungjawab utama untuk pengurusan risiko sementara Ketua Pegawai Kewangan (CFO) bertanggungjawab terutamanya untuk mengurus risiko kewangan Brambles, termasuk risiko cukai. Pelaporan risiko ini kepada Jawatankuasa Audit & Risiko dan Lembaga Pengarah Brambles membentuk sebahagian daripada laporan risiko setengah tahunan kepada badan ini.
Naib Presiden Kumpulan, Percukaian (VP Kumpulan, Cukai)	VP Kumpulan Cukai bertanggungjawab untuk mereka bentuk Dasar Cukai dan rangka kerja pengurusan risiko cukai serta memastikan bahawa proses dan kawalan yang wajar dikekalkan dan menyediakan sokongan pakar.
Naib Presiden Serantau, Percukaian (VP Serantau Cukai)	VP Serantau Cukai dan pasukan mereka bertanggungjawab untuk memastikan pematuhan dengan Dasar Cukai pada peringkat serantau, mengekalkan rangka kerja pengurusan risiko cukai dan menyediakan sokongan pakar kepada unit perniagaan serantau.
Pengawal Kewangan Kumpulan	Pengawal Kewangan Kumpulan bertanggungjawab untuk memantau pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan tempatan serta melaporkan pengecualian seperti memfaiklan penyata cukai lewat kepada Jawatankuasa Audit & Risiko dua kali setahun.
Pengawal Kewangan Serantau	Pengawal Kewangan Serantau bertanggungjawab untuk mematuhi undang-undang tempatan dan Dasar Cukai pada peringkat entiti daripada pemprosesan transaksi sehingga pelaporan dan pemfailan notis dan penyata cukai dengan sokongan daripada penasihat luaran dan VP Serantau Cukai, yang sewajarnya.
Audit Dalaman	Audit Dalaman bertanggungjawab untuk menguji kawalan dan melaporkan penemuan yang berkala. Huraian pengujian kawalan perlu dikekalkan sebagai sebahagian daripada program audit.

6. Keperluan Perundangan UK

Dokumen ini diterbitkan selaras dengan Perenggan 19 (2) Jadual 19 Akta Kewangan 2016 bagi tahun kewangan berakhir pada 30 Jun 2023.

7. Kelulusan Lembaga Pengarah

Dasar Cukai telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Brambles pada 27 Jun 2023.